



Anwar Ibrahim

2595 ri Cherok To' Kun Ke Kuala Kangsar

MI

Amin Ahmad



ANWAR IBRAHIM

Dari Cherok To' Kun Ke Kuala Kangsar

AMIN AHMAD

PUSTAKA PERDANA



1013234

ILHAM BOOKS
Kuala Lumpur
2021



**ANWAR IBRAHIM:
DARI CHEROK TO' KUN KE KUALA KANGSAR**

Hak Cipta Terpelihara @ Amin Ahmad, 2021
Hak Cipta Penerbitan @ ILHAM Books, 2021

Cetakan Pertama, Ogos 2021
Cetakan Kedua, Ogos 2021
Cetakan Ketiga, Ogos 2021

ILHAM BOOKS (002683798-H)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3
Nilai Square, 71800 Nilai
Negeri Sembilan, MALAYSIA

Facebook: www.facebook.com/ilhambooks
Email: admin@ilhambooks.com
Website: www.ilhambooks.com
Hotline/WhatsApp: +6011-1060 1403

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia
Amin Ahmad, 1982-

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anwar Ibrahim: Dari Cherok To' Kun Ke Kuala Kangsar /
Amin Ahmad
ISBN 978-967-2007-46-3

1. Anwar Ibrahim, Dato' Seri, 1947-.
2. Politicians--Malaysia--Biography.
3. Political leadership.

I. Judul.
923.2595

Ketua Editor: Muhammad Din
Editor: Muhammad Syahmi Afiq Mohd Shukari
Prof: Abdul Harith Hilmie Abdul Hadi
Atur Huruf: Muhamad Zikri Jinal
Reka Bentuk Kulit: Hasnul Hassan I'86 & Bukhari Rashid

Dicetak oleh:
Mihaz Grafik Sdn. Bhd.
No. 9, Jalan SR 4/19,
Taman Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan,
Selangor.



KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	vii
PENDAHULUAN	xi
Bab 1 Keluarga Dan Persekolahan Awal	23
<i>Cherok To' Kun</i>	24
<i>Pendidikan di Pulau Pinang</i>	26
<i>Persekolahan</i>	28
<i>Nasionalisme Menuju Merdeka</i>	32
<i>Seruan Merdeka, Pendudukan Jepun dan Malayan Union</i>	38
<i>Keluarga Politik Nasionalis</i>	49
<i>UMNO Berpecah</i>	53
<i>Ibu Bapa Pemimpin</i>	58
<i>Pilihan Raya Kerajaan Tempatan</i>	63
<i>Pemerintahan Sendiri</i>	65
<i>Pilihan Raya Umum Pertama 1959</i>	72
<i>Keserantauan</i>	76
Bab 2 Maktab Melayu Kuala Kangsar (1960-1966)	91
<i>Perubahan Dasar Pelajaran</i>	99
<i>Mendaftar Sebagai Pelajar</i>	102
<i>Rutin dan Disiplin</i>	106
<i>Pelajar Aktif</i>	113
<i>Briged St John</i>	114
<i>Pengawas Perpustakaan</i>	115
<i>Badan Revolusi Ugama</i>	117

<i>Persatuan Sivik</i>	124
<i>Kesatuan Pelajar</i>	126
<i>Ahli Lembaga Pengawas</i>	131
MARAMUNJANGAN	134
<i>Belia Tata Rakyat (BETARA)</i>	135
RUJUKAN	141
LAMPIRAN	151



Kata Pengantar

PAPAKU PULANG DARI KOTA

*“Kereta kecilku berbunyi
Marilah adik mari naik
Boleh ku bawa jumpa nenek...”*

Lagu tersebut sering dinyanyikan oleh ayahanda kami ketika kami kecil; diselit dengan gurauan serta tawa kecil sebelum frasa nenek diganti dengan panggilan mesra buat nenda kami, Allahyarhamah Datin Hajah Che' Yan.

Alhamdulillah bekal memori manis ketika kecil menjadi pegangan dalam menyusuri susur galur kehidupan yang pelbagai - ada yang membahagiakan; ada juga yang ditangisi - yang perit, pahit, namun mencerna seribu satu peringatan.

Kami bukanlah keluarga yang istimewa. Pengalaman kami hanya sekelumit berbanding kesusahan yang dihadapi ramai. Hanya buku tulisan saudara Amin Ahmad ini mungkin membantu dalam perkongsian sesama kita.

Pertanyaan Yang Tidak Sempat Dijawab

Pada 10 Ogos 1998, saya telah mengutuskan sepucuk surat sempena hari lahir ayahanda yang ke-51.

Selaku seorang siswi jurusan Kejuruteraan Kimia di Universiti Teknologi Petronas (UTP), Tronoh, Perak, saya berasa bertuah. Hanya 29 peratus daripada warga kerja Malaysia yang berpeluang ke menara gading. Hari ini, seramai 1.3 juta pelajar institut pengajian tinggi (IPT) tidak berpeluang berkonvokesyen; atau

menjalani kuliah seperti biasa. 116,000 graduan lagi menanti peluang kerja yang masih lagi tidak dijamin pasca pandemik.

Terdetik persoalan di hati kecil saya ketika itu; sedang saya kesibukan mendalami ilmu kejuruteraan, alangkah baiknya sekiranya saya dapat menyelami pengalaman ayahanda dalam dunia idealisme. Teringat pula dengan pepatah Inggeris, *Be careful what you wish for, lest you might get it!*

Sebelum saya sempat menerima warkah yang menjawab persoalan tersebut, tanah air kita dikejutkan dengan krisis kewangan, politik, dan secara peribadi, perpisahan kami daripada ayahanda tersayang menerusi detik-detik sejak 2 September 1998.

Pengalaman ayahanda yang saya dambakan dapat diteliti menerusi halaman yang termuat di dalam *Anwar Ibrahim: Dari CheroK To' Kun ke Kuala Kangsar*.

Sejarah Pembentuk Keperibadian

Sejarah membentuk keperibadian sesebuah negara; dan yang lebih penting, adalah menghayati sejarah dalam lensanya yang pelbagai. Tidak ada hanya satu bangsa, atau satu kelompok yang mampu mendominasi aliran serta versi sejarah kita.

Begitulah intipati kepelbagaian, yang bakal membentuk keperibadian tanah air yang kalis cabaran masa depan - sama ada pandemik, krisis dalaman, antara generasi atau hanya persoalan hakiki dalam melahirkan generasi pemimpin yang benar-benar peduli.

Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui pendedahan dalam peredaran zaman, keluarga ekonomi kelas pertengahan yang sempat melalui sistem pendidikan elit MCKK, sehinggalah pancaroba mahasiswa, diadun dengan kepedulian gerakan serantau, sedunia, menuntut pengurangan jurang miskin-kaya; dunia pertama-ketiga; hak asasi Palestin melawan kedurjanaan Zionis.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang saya kasihi adalah seorang ayah; sebagai pemangkin kepada penglibatan saya dalam dunia aktivisme politik; dan pendalaman dasar yang saya ceburi. Ternyata, kami punyai perbezaan pandangan; pilihan yang kadangkala kurang titik pertemuan; ada juga pergelutan politik yang kadang-kadang merumitkan. Namun, kami tetap dipertemukan menerusi warkah hari lahir yang saya coretkan sebelum sampai ke usia yang ke-18 pada Ogos 1998.

Selamat membaca, saudara-saudari sekalian. Dan selamat memahat dan melakar sejarah anda sendiri.

NURUL IZZAH BINTI ANWAR

Permatang Pauh, Pulau Pinang

30 Mei 2021



Pendahuluan

MATA RANTAI PERJUANGAN

Bagi ramai orang, Anwar Ibrahim adalah sosok ahli politik yang sudah tidak perlu diperkenalkan lagi. Namanya telah dikenali ramai, bahkan sehingga ke negara luar. Perjalanan politiknya adalah satu enigma.

Dikenali pada mulanya sebagai pemimpin kumpulan pendesak anti-kerajaan – sehingga menyebabkan beliau ditahan tanpa bicara di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama 22 bulan, Anwar kemudian membuat satu keputusan mengejut menyertai parti pemerintah. Perjalanan politik beliau terus diikuti dari semasa ke semasa.

Perjalanan politiknya boleh dikatakan agak berjaya. Dalam tempoh kira-kira 11 tahun, selepas tiga kali pilihan raya umum dari tahun 1982 ke tahun 1990, beliau telah berada pada satu kedudukan politik yang baik apabila dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1993 bagi menggantikan Abdul Ghafar Baba.

Tanpa disangka, beliau dipecat pada tanggal bersejarah 2 September 1998. Selepas siri protes besar-besaran khususnya di sekitar Kuala Lumpur, beliau telah ditangkap, ditahan tanpa bicara, dipukul dan diaibkan semasa dalam tahanan dan kemudian dipenjarakan.

Bagi saya yang masih bersekolah di tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Derma, Kangar, Perlis pada ketika itu, seluruh peristiwa Reformasi 1998 merupakan titik peralihan besar kesedaran tentang tuntutan islah, memperbaiki diri sendiri dan mengambil tanggungjawab ke-khalifah-an untuk

memakmurkan hidup dengan kebaikan. Saya segera memasang cita-cita untuk memperbaiki diri sendiri dan menyertai arus perubahan ini.

Sepanjang pengajian diploma di Universiti Putra Malaysia (UPM), saya bukan sahaja ikut serta dalam pelbagai kegiatan di kampus tetapi juga aktif melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti bersifat politik di luar kampus. Dari sana saya bukan sahaja meluaskan jaringan perkenalan tetapi juga mengutip pelbagai ilmu tambahan berkaitan persoalan politik dan kemahiran lain termasuk menulis dan menjalankan penyelidikan.

Ketika Anwar Ibrahim dibebaskan pada tahun 2004, saya baru sahaja memenangi pilihan raya kampus dan dilantik sebagai anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM. Meskipun ikut hadir dan dapat bersalaman dengan Anwar dalam beberapa siri perbincangan di mahkamah, saya hanya dapat berbicara lebih panjang dengan beliau pada tahun 2005, selepas beliau pulang dari mendapatkan rawatan di Munich, Jerman.

Saya mengambil kesempatan bertanyakan sikap beliau kepada Dr. Mahathir pada ketika itu. Jawab beliau, "Saya banyak belajar tentang pentadbiran kerajaan daripada Dr. Mahathir." Ketika inilah saya dapat merasakan jiwa besar seorang Anwar. Tidak ada walau sepatah pun kata-kata negatif atau nista dituturkan meskipun sudah tentu ruang yang ada cukup terbuka. Apa yang saya ingat, beliau menggesa kami anak-anak muda di lingkungan meja makan yang sama pada ketika itu untuk, "Memandang ke hadapan." Tiga kata kunci yang saya ingat ialah akhlak, ilmu dan kesedaran kemasyarakatan.

Kami berpeluang bertemu lagi kemudian, terutama selepas PRU ke-12 pada tahun 2008. Meskipun parti-parti pembangkang kalah teruk dalam PRU sebelum itu, dan dari segi undang-undang tidak boleh memegang jawatan politik rasmi selama lima tahun, Anwar telah pulang dari khidmat beliau di luar negara untuk memimpin penyatuan politik parti-parti utama pembangkang dan berkempen di seluruh negara.

Pada tahun 2008, buat kali pertama parti-parti pembangkang telah menafikan majoriti dua pertiga yang dinikmati oleh Barisan Nasional (BN) buat sekian lama. Parti-parti pembangkang yang kemudian menamakan kerjasama mereka sebagai Pakatan Rakyat telah menang di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor, selain mengekalkan kemenangan di Kelantan. Ia menjadi satu tamparan hebat kepada Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri ketika itu yang kemudian melepaskan jawatan kepada timbalannya, Najib Tun Razak.

Meskipun terlibat dalam pelbagai aktiviti politik, saya tidak menyertai KEADILAN sebelum Jun 2011. Pada ketika itu saya masih berkhidmat di Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor sebagai Pegawai Komunikasi kepada Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor.

Sejak 2008, saya berpeluang bertemu Anwar lebih banyak dalam pelbagai acara parti dan kerajaan negeri Selangor. Malah, saya pernah dilibatkan dalam kumpulan penulis Anwar Ibrahim yang ketika itu sedang menyiapkan sebuah naskah baharu pemikiran politik-ekonomi beliau. Ini khususnya bertujuan menjelaskan dan menjawab beberapa pandangan seputar isu-isu politik-ekonomi yang berlaku sejak sebelum Anwar dipecat, dan mengemukakan pandangan-pandangan politik-ekonomi semasa dalam menghadapi zaman peralihan termasuk kupasan lanjut Agenda Ekonomi Malaysia (AEM) yang menjadi dokumen asas dasar penting dalam kempen PRU ke-12.

Menjelang PRU ke-13, saya mendapat satu panggilan telefon daripada Azmin Ali, dua hari sebelum hari penamaan calon, yang memaklumkan tentang permintaan Anwar Ibrahim untuk saya menjadi calon di DUN Kuala Perlis, Kangar. Keputusan ini diambil di saat akhir selepas anggota parti yang dicadangkan oleh Majlis Pimpinan Negeri (MPN) Perlis sebelum itu diserang strok. Saya kalah semasa PRU ke-13 ini, tetapi berjaya mengurangi hampir 50 peratus undi popular penyandang kerusi tersebut.

Selepas PRU ke-13, saya tidak lagi bekerja seperti biasa dan hanya membuat kerja-kerja *freelance*. Keletihan berkempen masih terasa. Setelah beberapa kali pernah dihubungi beberapa pihak di pejabat Anwar, akhirnya saya bertemu beliau sendiri pada tahun 2014 dan menerima tawaran khidmat di Diwan Reformasi. Selain menguruskan beberapa acara melibatkan beliau, saya turut diminta menyiapkan beberapa modul latihan bagi memperkemas lagi perkaderan parti. Saya juga telah dilantik sebagai Ketua Biro Latihan Angkatan Muda KEADILAN (AMK) Pusat oleh Nik Nazmi Nik Ahmad, Ketua AMK ketika itu.

Ia adalah antara tugas terakhir yang sempat saya hantar kepada beliau sebelum beliau dipenjarakan buat kali ketiga pada tahun 2015. Ketika itulah teretusnya keinginan saya menulis tentang sejarah perjuangan beliau.

Penulisan Tentang Anwar

Saya pernah bertanya tentang usaha membukukan sejarah dan perjuangannya kepada beberapa orang yang rapat dengan beliau. Tidak ada jawapan jelas diberikan. Ada yang berkata maklumat mengenainya banyak, berbeza bahkan ada yang bercanggah sehingga menyulitkan percubaan melakukannya. Kerana pergaulan dan penglibatan Anwar yang begitu meluas, ini ada asasnya. Apatah lagi sebagai pemimpin belia anti-kerajaan dan pemimpin politik, pastinya beliau tidak sunyi dalam berdepan dengan pesaing bahkan musuh.

Ada pula yang berkata Anwar keberatan mengizinkan orang lain menulis tentang beliau. Dalam satu program *Meet Anwar* yang dianjurkan oleh Kelab Anwar Ibrahim (AIC) di Melaka, beliau pernah ditanya oleh seorang peserta tentang penulisan sejarah hidupnya. Kata Anwar secara berseloroh, “Saya masih belum bersara lagi.” Mungkin inilah jawapan sebenar mengapa beliau sendiri tidak pernah menulisnya.

Namun, sejarah hidup Anwar bukan tidak pernah ditulis. John Victor Morais misalnya, pernah menulis *Anwar Ibrahim*,

Resolute in Leadership pada tahun 1983. Ia diterjemahkan ke bahasa Melayu sebagai *Anwar Ibrahim, Cekal dan Tabah* oleh Abdul Razak bin Haji Abdul Rahman pada tahun 1984.

Selepas Anwar Ibrahim dipecat dan dipenjarakan pada tahun 1999, ada usaha dibuat oleh sebahagian penyokong reformasi pada masa itu, antaranya Omar Jaafar, Syed Ahmad Jamal, Rustam A. Sani, Raja Ahmad Aminullah dan D. J. Muzaffar Tate yang berhimpun dan bercerita tentang Anwar yang mereka kenali. Usaha yang sama turut dibuat selepas Anwar dijatuhkan hukuman penjara sekali lagi pada tahun 2015. Rakan-rakan Anwar di zaman MCKK-PPKIM-ABIM khususnya juga menerbitkan beberapa tulisan yang merakamkan beberapa anekdot mengenai Anwar yang dikenali mereka.

Pertanyaan saya mengenai pembukuan sejarah dan perjuangan Anwar pada mulanya didorong oleh rasa ingin tahu mengenai seorang tokoh yang menjadi pusat perhatian perjuangan rakyat sejak beliau sendiri mencetuskan Gerakan Reformasi 1998.

Daripada seorang remaja yang masih terlalu mentah tentang politik, yang hanya tahu memperkatakan tentang kezaliman Dr. Mahathir pada waktu itu, saya mula menyedari pelbagai sisi seorang Anwar Ibrahim yang bagi saya begitu unik. Ia banyak merubah persepsi saya daripada kesempitan politik kepartian yang berteraskan kuasa kepada keluasan politik kebudayaan yang berteraskan nilai dan budaya. Ia tidak mudah.

Sebagai seorang yang tidak mempunyai asas dalam pelbagai aspek pengalaman hidup Anwar, sukar untuk memahami kecenderungan beliau kepada sastera dan kegiatan budaya, menjadi pemimpin muslim yang sederhana (bahkan sampai dituduh ekstrem dan kemudian liberal), hubungan baik beliau dengan pelbagai tokoh agama, politik dan intelektual di peringkat serantau dan antarabangsa, kemampuan beliau berinteraksi dengan kumpulan pelbagai kaum, agama dan budaya, kegigihan beliau dalam mengangkat isu-isu rakyat bawahan serta keupayaan beliau menggarap pelbagai isu rumit dalam bahasa yang mudah.

Saya bernasib baik kerana sempat membeli buku *Gelombang Kebangkitan Asia* di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Saya masih ingat ketika bertanya kepada petugas di kaunter kedai buku DBP sama ada stok buku itu masih ada atau tidak. Kakak yang bertugas pada waktu itu memberitahu saya dengan separuh berbisik, “Buku ini sudah diarahkan lupus oleh kerajaan. Jika adik mahu, kakak ada simpan 10 buah.”

Saya membelinya dan mendapatkan tandatangan daripada Anwar semasa ke mahkamah. Namun buku ini kemudian hilang. Rasa sedih bukan kepalang. Namun saya bersyukur kerana bila sekali lagi pergi ke DBP, ternyata buku tersebut masih berbaki. Sekali lagi, saya membelinya dan ke mahkamah untuk mendapatkan tandatangan Anwar. Selepas itu, saya mendapatkan pula buku lama beliau, *Menangani Perubahan*.

Hanya selepas lima hingga enam tahun barulah saya lebih memahami banyak persoalan yang dibincangkan oleh Anwar di dalam ucapan, tulisan dan bukunya. Ia menuntut kesungguhan, kesabaran dan kemahuan yang tinggi. Bagaimanapun, pengetahuan melalui pembacaan dan lebih banyak mendengar pelbagai kuliah dan perkongsian daripada sarjana tentulah tidak boleh dipadankan dengan pengalaman cuba menterjemahkan ilmu ke dalam kehidupan. Pada hemat saya, inilah kelebihan Anwar.

Ketika terlibat bersama kumpulan penulis Anwar, kami dimaklum oleh seorang kenalan dari Amerika Syarikat tentang sebuah tesis Ijazah Doktor Falsafah yang sedang disiapkan oleh Charles Allers, pelajar di bawah seliaan Profesor John Esposito, kenalan baik Anwar. Saya merasa gembira kerana akhirnya ada orang yang akan menulis sejarah perjuangan Anwar dengan lebih lengkap lagi.

Namun, selepas membaca buku tersebut kemudian, saya berpendapat ianya terlalu bersifat akademik dan kurang nuansa tempatan. Ini mungkin kerana faktor pandangan alam, batasan bahasa dan peluang penulis tersebut mendekati sumber bahasa

Melayu. Tulisan beliau kurang menyentuh isu-isu yang dianggap penting dalam politik negara ini.

Selepas Anwar dipenjarakan pada tahun 2015, rasa ingin tahu tentang sejarah hidup Anwar Ibrahim kemudian bertukar kepada rasa perlu. Ini kerana saya melihat wujud jurang pengetahuan dalam kalangan generasi muda terhadap perjuangan Anwar. Mereka yang hanya mengenali Anwar selepas Reformasi 1998 mungkin hanya melihat beliau sebagai seorang ahli politik biasa. Tidak mustahil ada yang hanya melihat beliau sebagai seorang ahli politik yang kecewa. Lebih malang jika ada yang melihat Anwar hanya berjuang untuk menjadi seorang Perdana Menteri.

Selepas berbincang dengan saudara Najib, ketua pengarang *Suara Keadilan*, saya mula menulis siri Anwar Ibrahim sebelum Reformasi 1998 melalui satu kolum khas di dalam akhbar parti. Harus diakui saya bukanlah orang terbaik untuk menulis biografi Anwar ini. Perkenalan saya dengan beliau sangat terhad jika dibandingkan dengan ramai yang lain. Namun, dorongan yang ada cukup kuat. Sebanyak 23 siri disiarkan bermula 16 Februari 2016 sehingga 9 Ogos 2016.

Apabila diminta oleh Jalaluddin, wakil ILHAM Books untuk membukukan seluruh penulisan ini, saya mencadangkan agar ia diperkemaskan kerana format penulisan di akhbar berbeza dan sejumlah fakta dan kronologi perlu disemak semula agar lebih tepat dan mempunyai sandaran.

Setelah melakukan pengembangan, saya menyiapkan satu draf awal yang kemudian telah dihantar kepada Anwar Ibrahim semasa beliau di penjara. Pada ketika itu anggaran tebal buku adalah sekitar 250 muka surat. Selepas Anwar sendiri membuat beberapa penambahan, saya merasa teruja untuk mendapatkan lebih banyak perincian.

Sejumlah bahan yang terdiri daripada buku-buku, majalah-majalah, siri ucapan Anwar, dokumen-dokumen rasmi, tulisan-tulisan pengalaman mereka yang pernah bersama Anwar dalam banyak peristiwa telah dimanfaatkan untuk penyediaan buku ini.

Malah, penulis telah mewawancara lebih daripada 30 pihak untuk memantapkan lagi kandungannya. Sehingga kini, buku asal yang sedang penulis siapkan sudah mencecah lebih 1000 muka surat.

Sudah tentu mereka yang terlibat dalam fasa-fasa sejarah perjuangan Anwar tahu lebih banyak perkara terperinci dan tidak termuat di dalam buku ini. Namun, bagi memastikan kandungan buku ini mantap, saya telah meminta bantuan keluarga dan peguam-peguam Anwar untuk berhubung dengan beliau, sama ada di mahkamah dan di penjara. Meskipun pernah mendengar bahawa Anwar cekap membaca laju, kali ini saya yakin kerana dalam tempoh singkat lawatan peguam di penjara, Anwar telah menyemak dengan teliti sehingga sempat menambah banyak nota-nota tulisan tangan dalam draf awal kandungan buku ini. Pastilah itu memberi nilai tambah yang cukup besar terhadap kandungan buku ini. Dalam draf awal yang disemak oleh Anwar itu, beliau juga menyunting sebahagian kecil kandungan daripada rujukan yang dibuat.

Saya membahagikan buku ini kepada enam jilid, bermula dari kehidupan awal bersama keluarga dan zaman persekolahan, seterusnya zaman kemuncak aktivisme beliau dalam gerakan mahasiswa, pemimpin belia Islam dalam perkembangan politik dan gerakan Islam, penyertaannya ke dalam politik, pengalamannya sebagai pimpinan utama kerajaan dan akhirnya rekayasa fitnah, pemecatan dan pemenjaraan beliau secara sepintas lalu.

Oleh kerana saya cuba mengulang semak pelbagai fakta ini agar apa yang dimuatkan di dalam buku ini adalah yang paling tepat, maka proses suntingannya mengambil masa yang agak lama. Justeru itu, memandangkan bab pertama buku ini telah siap disemak, saya berbincang dengan penerbit untuk membuat cetakan bersiri terlebih dahulu berbanding buku penuh yang mungkin akan memakan masa lebih panjang. Saya percaya penerbitan siri pertama ini akan dapat mendorong momentum

penerbitan siri-siri selanjutnya, di celah ketidaktentuan politik dan juga kesibukan saya sebagai ahli Parlimen.

Saya sangat berterima kasih kepada Sasterawan Negara Profesor Emeritus Muhammad Haji Salleh yang sudi membuat semakan dan memberi teguran serta pandangan tentang teknik penulisan yang lebih sesuai. Walau bagaimanapun, tulisan saya umumnya adalah menjadi tanggungjawab saya dan segala kekurangan yang ada bukanlah kerana beliau.

Tentang Buku Ini

Siri pertama ini adalah kisah Anwar Ibrahim sejak beliau dilahirkan sehingga beliau menamatkan persekolahannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1966.

Saya mempertimbangkan latar belakang sejarah kawasan dan zaman untuk memberikan satu gambaran yang lebih baik tentang faktor persekitaran dan peristiwa semasa yang pastinya memberikan pengaruh besar kepada proses kematangan masyarakat dan individu dalam mencorak perkembangan kemajuan sesebuah negara. Ini terutamanya kerana penglibatan ibu dan bapa beliau dalam gerakan nasionalisme kepartian UMNO yang tentunya lahir daripada sentimen nasionalisme yang muncul lebih awal di Pulau Pinang dan Seberang Perai khususnya.

Dalam hal-hal tertentu saya sengaja memasukkan dengan lebih terperinci beberapa isu dan peristiwa sejarah memandangkan ia bukan sahaja penting tetapi mempunyai banyak kaitan dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku kemudian dan insyaAllah akan disentuh dalam siri-siri sejarah hidup dan perjuangan Anwar Ibrahim nanti.

Semangat untuk menyiapkan buku ini dengan lebih teliti terdorong apabila draf awal buku penuh sejarah hidup dan perjuangan Anwar Ibrahim sebelum Reformasi 1998, yang telah saya siapkan pada tahun 2017, mendapat sokongan

menggalakkan daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri serta ahli keluarganya.

Saya agak beruntung kerana majalah tahunan MCKK dari tahun ke tahun yang disimpan dengan baik di arkib Persatuan Murid-Murid Tua *Malay College* (MCOBA) memuatkan pelbagai peristiwa dan aktiviti sekolah dan pelajar dengan agak terperinci. Ini ditambah pula dengan ciri penting alumni MCKK yang banyak mencipta nama dalam pelbagai lapangan kerjaya di negara ini. Justeru itu, penulis berpeluang menjejaki sebahagian mereka bagi mencerpap maklumat yang lebih mendalam.

Sikap merekodkan secara terperinci pelbagai maklumat sebagaimana terdapat di dalam majalah tahunan MCKK ini merupakan satu ciri penting pentadbiran Inggeris di mana-mana. Ia adalah satu sikap yang sangat baik dan mesti dibudayakan. Dengan budaya merekod secara benar dan menyimpan khazanah arkib, kita akan lebih berpeluang memahami apa yang berlaku pada masa lalu dengan lebih baik dan tepat.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan rasa penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan siri pertama buku biografi Anwar Ibrahim yang diusahakan ini. Penghargaan khusus saya kepada Nurul Izzah Anwar, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, *uncle* Rosli, *uncle* Idrus, Paksu Mokhtar dan Encik Zulkefly yang sudi membantu penyediaan buku ini. Terima kasih khusus kepada Nurul Izzah Anwar yang sudi memberi kata pengantar kepada siri pertama biografi Anwar Ibrahim ini. Begitu juga kepada Tuan Megat Adnan Fakhri, penjaga arkib MCOBA yang banyak membantu urusan penulis untuk mendapatkan maklumat ini. Tentulah maklumat ini lebih dilengkapi dengan peluang mewawancara Datuk Fauzi Abdul Rahman, Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar, Datuk Kamarudin Jaffar, Datuk Dr. Tahir Azhar, Encik Abbas Hassan dan Tuan Abdul Rahman Adnan.

Saya berharap kandungan buku ini akan menjadi sebahagian daripada mata rantai yang menjadi pendedahan bermakna mengenai Anwar Ibrahim kepada semua pembaca. InsyaAllah

siri berikutnya akan diterbitkan sebaik sahaja proses semakan dan suntingannya selesai. Saya juga akan cuba menulis juga tentang kisah hidup Anwar di era reformasi sehingga kemunculan Pakatan Rakyat pada tahun 2008 dan seterusnya yang telah dimulakan.

Dalam seluruh proses menyiapkan buku ini, saya sangat menghargai seluruh ahli keluarga yang memahami, khususnya isteri saya, Siti Kamariah binti Ahmad Subki kerana bersabar dan menyokong kerja ini disiapkan.

Semoga bermanfaat. Selamat membaca daripada saya.

NOOR AMIN BIN AHMAD

Kangar, Perlis

Disember 2020

Bab 1

KELUARGA DAN PERSEKOLAHAN AWAL

Anwar Ibrahim dilahirkan di Hospital Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan pada 10 Ogos 1947. Beliau menjadi anak keempat kepada pasangan Ibrahim bin Abdul Rahman dan Che Yan binti Abdul Hamid Husain. Ibrahim, atau kemudian lebih mesra dipanggil sebagai Pak Ibrahim dan Che Yan, yang kemudian lebih dikenali dengan panggilan Mak Yan, masing-masing baru berusia 28 dan 22 tahun pada waktu itu.

Abang-abang Anwar ialah Rani, Idrus dan Mokhtar manakala adik-adiknya pula ialah Rosli, Raihan, Marzuki dan Khairun. Pak Ibrahim kemudian berkahwin seorang lagi, dengan Fatimah, atau lebih mesra dipanggil sebagai Mak Timah, dan mendapat seorang anak bernama Farizun yang menjadi adik tiri Anwar.

Menurut Anwar, beliau adalah generasi keempat keturunan Muslim dari India di mana moyangnya di sebelah bapa telah berkahwin dengan seorang wanita Melayu bila tiba di Pulau Pinang. Idrus, abang Anwar menceritakan keluarga di sebelah ibunya pula berasal daripada keturunan Melayu di Perak. Sepanjang ingatan beliau, ibunya, Mak Yan pernah bercerita bahawa perkahwinan mereka adalah mengikut tradisi masa lalu, iaitu dipertemukan melalui kenalan keluarga. Pada zaman itu, adalah satu kebiasaan berkahwin muda.

Selepas Inggeris mendapat hak mentadbir di kawasan Seberang Perai, namanya pada masa itu dikenali sebagai *Province Wellesley*, sempena nama Richard Colley Wellesley, gabenor Inggeris di Madras (kini dikenali sebagai Chennai). Banyak

penempatan penduduk mula dibuka di sana sejak Perang Kedah-Siam. Keluarga Pak Ibrahim dan Mak Yan hanya berpindah ke daerah ini kemudian.

Walaupun Pulau Pinang umumnya telah mula dikenali sebagai Negeri Selat yang memiliki pelabuhan penting, kehidupan umum masyarakat pada ketika itu relatifnya masih sukar. Bekalan air dan elektrik tidaklah sebagaimana yang boleh dilihat pada hari ini. Pernah kerana bekalan air terganggu, Anwar dan kanak-kanak lain mandi menggunakan bekalan air di tepi jalan. Begitulah apa yang dilalui oleh keluarga mereka dari semasa ke semasa. Namun, mereka sedikit bertuah kerana Pak Ibrahim bekerja sebagai pembantu perubatan di Hospital Sungai Bakap, di Seberang Perai Selatan. Justeru itu, mereka sekeluarga diberi penginapan di kuarters pekerja hospital di sana. Kemudian, apabila Pak Ibrahim dipindahkan untuk bertugas di Hospital Bukit Mertajam, mereka kembali menetap di rumah keluarga Pak Ibrahim di alamat 1549, CheroK To' Kun, Bukit Mertajam, *Province Wellesley*.

CheroK To' Kun

Dalam bahasa pertuturan biasa orang Melayu, perkataan cheroK atau ceruk umumnya difahami sebagai sudut terpencil. Sasterawan Negara Profesor Muhammad bin Haji Salleh berkata, sesuai dengan maksud perkataan yang terkandung di dalam Kamus Dewan Bahasa, ceruk juga memberi maksud caruk, iaitu, "Bahagian kaki bukit atau gunung yang sentiasa bencah atau berair atau teluk kecil". Sejarah lisan penduduk setempat pula mengatakan To' Kun adalah nama seorang lelaki berketurunan Siam yang dikatakan tinggal di kaki Bukit Mertajam, justeru itu tempat tersebut mendapat panggilan nama CheroK To' Kun.

Walaupun begitu, CheroK To' Kun sudah terkenal di kalangan pengkaji sejarah kerana penemuan batu bersurat di sini oleh Kolonel James Low, seorang pegawai Inggeris selepas perang Kedah-Siam, iaitu pada tahun 1845. Kedudukan CheroK To' Kun di bahagian selatan tamadun lama, Lembah Bujang jelas memberi

isyarat bahawa lokasi ini menyimpan keunikan tersendiri dalam sejarah lampau. Meskipun kecewa kerana tidak menjumpai sesuatu yang lebih besar misalnya bangunan kuil atau sisanya, Low merekodkan semua penemuannya. Ia sekurang-kurangnya menarik minat ramai ahli lain dalam bidang arkeologi yang ingin mengkaji lebih lanjut tentang tamadun Lembah Bujang.

Tujuh batu granit berinskripsi yang ditemukan Low dipercayai ditulis sekitar abad kelima Masihi bagi memperingati seorang ahli pelayaran dari benua India yang bernama Buddhaghupta dan mempunyai kaitan dengan Kota Kadaaram (antara panggilan yang merujuk kepada negeri atau kawasan dalam negeri Kedah). Ia kini telah didaftar sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) oleh Profesor Emeritus Dato' Zuraina Majid, Pesuruhjaya Warisan Malaysia pada tahun 2006 dan diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai satu pusat warisan dunia.

Pengkaji lain, J. Laidley, yang menterjemah semua inskripsi pada batu bersurat ini pada tahun 1848, menjelaskan bahawa ia bukanlah tulisan Sanskrit seperti yang disangka oleh Low. Sebaliknya ia adalah tulisan Pali yang membawa maksud:

“Saya mengakui kewujudan musuh yang dihadapi oleh Raja Ramaunibha dan kejahatan yang pernah dilakukannya. Ini dikatakan oleh Manikatha, pelindung kesemua Buddha. Dalam setiap bentuk kehidupan pengetahuan bermanifestasi di semua tempat dan dalam semua cara. Karma adalah punca kepada kelahiran semula.”

Dari segi arkeologi, bukti pertama pra sejarah ditemukan oleh G. W. Earl di Guar Kepah, Seberang Prai pada tahun 1860. Beberapa penemuan lain juga menunjukkan bahawa telah ada penduduk di Pulau Pinang jauh lebih awal mencecah 5,000 tahun lampau. Ada sejumlah rekod penulisan sejarah menceritakan kewujudan beberapa kampung Melayu di Sungai Pinang, Sungai Gelugor, Tanjong Tokong dan Teluk Kumbar.

Dengan latar belakang sejarah Kedah sebagai negeri tertua, kewujudan tamadun lampau, perdagangan dan pendudukan



asing serta kebangkitan yang disokong daripada kerajaan serantau pada masa lalu, Pulau Pinang keseluruhannya telah menjadi kosmopolitan.

Pendidikan di Pulau Pinang

Perkembangan pendidikan menjadi antara aspek penting dalam pertumbuhan pembangunan di Pulau Pinang dan Seberang Perai pada masa lalu. Namun, pada masa itu sistem persekolahan sebagaimana yang dikenali pada hari ini masih belum wujud. Orang-orang Melayu khususnya belajar agama dengan tulisan jawi di masjid-masjid dan surau-surau. Pengaruh pendidikan agama di Pulau Pinang boleh dilihat dengan kewujudan masjid-masjid lama antaranya Masjid Batu Uban yang dibina pada tahun 1734 dan Masjid Melayu Lebuh Aceh yang dibina pada tahun 1808.

Daripada belajar agama dan mengaji al-Quran di rumah atau di masjid dan surau inilah terbentuk sistem pengajian pondok yang lebih tersusun di Pulau Pinang dengan pertambahan murid. Pondok Sungai Derhaka, Seberang Perai; Pondok Bukit Indera Muda, Bukit Mertajam dan Pondok Permatang Janggus, Kepala Batas adalah antara yang terawal dibina di Pulau Pinang pada suku terakhir abad ke-18. Seterusnya, Pondok *al-Masriyah*, Bukit Mertajam; Madrasah *al-Ahmad al-Ijtimiah*, Padang Lalang; Madrasah *al-Mashoor*, Pulau Pinang; Pondok Kubang Semang, Seberang Prai Tengah; Madrasah *Da'irat al-Ma'arif al-Wataniyah*, Kepala Batas dan Pondok Penanti, Bukit Mertajam dibina dalam 30 tahun pertama abad ke-19.

Antara tokoh terkenal yang terlibat dalam pendidikan tradisi Islam di Pulau Pinang pada masa lalu antaranya ialah Sheikh Zainal Abidin al-Fatani (1820-1910), Sheikh Husein Kedah al-Banjari (1863-1936), Syed Sheikh al-Hadi (1867-1934), Sheikh Muhamad Tahir (1869-1965), Sheikh Abdullah Fahim (1870-1961) dan Ustaz Mohammad Salleh bin Baki al-Masri (1875-1971). Pada peringkat awal, pendidikan tradisi ini mengambil model seperti di Mekah dan Madinah. Seterusnya

ia diintegrasikan dengan pendidikan moden. Pendidikan tradisi dan adunan pendidikan tradisi dan moden dalam sistem akademik persekolahan rasmi masih lagi diteruskan sehingga kini.

Dua buah sekolah beraliran Inggeris terawal di Pulau Pinang ialah *Penang Free School* di Pulau Pinang yang dibuka pada tahun 1816, dan *St. Xavier's Institution* pada tahun 1852. Sekolah vernakular Melayu yang pertama dibuka di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada tahun 1854. Walau bagaimanapun, ia lebih banyak disambut oleh orang-orang bukan Islam dan bukan Melayu. Pada waktu itu di Pulau Pinang dan Seberang Perai terdapat pelbagai kaum selain Melayu termasuk antaranya orang-orang Cina, Chulia (India), Bengali, Eropah, Siam, Burma, Batak, Aceh, Arab, Parsi dan Armenia. Sambutan orang-orang Melayu terhadap sekolah beraliran Inggeris ini agak dingin. Kebanyakan orang Melayu bersikap prejudis terhadap sekolah-sekolah beraliran Inggeris kerana ada tanggapan bahawa ia adalah sekolah-sekolah mubaligh Kristian dan kandungan mata pelajaran yang disediakan oleh pihak Inggeris mungkin mengajarkan sesuatu yang bercanggah dengan fahaman dan keyakinan agama Islam yang menjadi pegangan orang-orang Melayu.

Idea ini cuba diteruskan selepas perang Kedah-Siam dan mencapai momentum yang baik selepas A. M. Skinner dilantik menjadi Nazir sekolah-sekolah vernakular Melayu pada tahun 1872. Beliau menyusun semula sistem pendidikan di sekolah-sekolah vernakular Melayu dengan mencantumkan sistem persekolahan moden dengan sistem pelajaran al-Quran. Murid-murid belajar semua mata pelajaran umum pada waktu pagi dan mengaji al-Quran pada waktu petang. Gaji guru di waktu pagi dibayar oleh pihak kerajaan dan gaji guru agama pula dibayar oleh ibu bapa. Perubahan ini berjaya memberi keyakinan dan menarik minat orang-orang Melayu untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan. Dalam tempoh 10 tahun, jumlah sekolah Melayu jenis ini telah bertambah daripada 16 buah kepada 85 buah dengan jumlah 2,230 murid pada tahun 1882 dan seterusnya meningkat kepada 189 buah dengan jumlah 7,218 murid pada tahun 1892. Walaupun begitu, semasa

ANWAR IBRAHIM

Dari Cherok To' Kun Ke Kuala Kangsar

Banyak pernah diperkatakan tentang Anwar Ibrahim, khususnya sejak beliau memimpin gerakan mahasiswa dan belia bermula lewat 1960-an. Namun, tidak ramai yang tahu tentang pendedahan awal yang diterimanya sebelum melangkah kaki ke universiti.

Kebangkitan nasionalisme dan kemerdekaan mencorak semangat dan persekitaran dalam hidup keluarganya. Ia mendorong Anwar untuk menjiwai tuntutan pengisian kemerdekaan seawal usia remaja yang boleh terlihat terutama dalam penglibatan dan pembinaan keperibadiannya.

Peluang belajar di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) ketika era Darurat, pembentukan Malaysia dan proses Malayanisasi menambah keunikan pengalaman hidupnya semasa remaja.

Dari Cherok To' Kun ke Kuala Kangsar membawakan sebahagian daripada kisah hidup Anwar Ibrahim yang jarang diperkatakan.

ilhambooks

www.ilhambooks.com

